KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Balai Seni Negara
National Art Gallery

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (48)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA PAMER KARYA *TUMBUH* OLEH AZAM ARIS DAN YUKI MUN MENERUSI PAMERAN HANYA SATU (SINGLE)

29 OKTOBER 2026 – Balai Seni Negara meneruskan Pameran Hanya Satu *(Single)* menerusi siri ke-13 dengan menampilkan karya *Tumbuh*, sebuah karya instalasi hasil kolaborasi Azam Aris dan Yuki Mun. Pameran ini berlangsung dari 30 September hingga 20 Disember 2026 di Balai Seni Negara.

Tumbuh mengambil inspirasi daripada cerita rakyat mengenai penjaga hutan yang tidak kelihatan dan dipercayai memelihara keseimbangan alam. Idea tersebut menjadi titik permulaan kepada karya yang mengetengahkan proses pertumbuhan yang berlaku secara senyap tetapi berterusan, serta hubungan antara manusia dan alam yang sentiasa wujud walaupun tidak dapat dilihat secara langsung.

Dengan ketinggian kira-kira 14 kaki, instalasi ini dibina menggunakan bahan semula jadi seperti tempurung kelapa, jerami padi, batang pokok kelapa dan tali jut yang disusun membentuk struktur organik. Bentuk karya mengambil inspirasi daripada cara tumbuhan berkembang secara semula jadi melalui pergerakan yang tidak teratur, iaitu membengkok, berpintal, bercabang dan berkembang tanpa mengikut laluan yang lurus.

Pemilihan bahan yang dekat dengan kehidupan seharian turut menjadi antara elemen utama dalam penghasilan karya ini. Bahan seperti tempurung kelapa dan jerami padi yang lazim ditemui diolah daripada objek biasa kepada bentuk serta konteks visual dan ruang yang baharu, sekali gus memperlihatkan potensi bahan semula jadi dalam penghasilan karya seni kontemporari.

Dalam konteks kehidupan masa kini yang berkembang pesat, *Tumbuh* mengajak pengunjung untuk melihat semula hubungan manusia dengan alam yang sering kurang diberikan perhatian. Karya ini menekankan bahawa hubungan tersebut penting dalam memastikan keseimbangan dan keharmonian antara manusia dengan persekitarannya terus terpelihara.

Penggunaan bahan organik turut menjadikan karya *Tumbuh* berubah secara semula jadi sepanjang tempoh pameran. Perubahan ini menjadi sebahagian daripada metafora yang dibawa menerusi karya ini, iaitu proses pertumbuhan yang sentiasa berkembang dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.

Justeru, orang ramai dijemput mengunjungi Pameran Hanya Satu *(Single)* yang berlangsung sehingga 20 Disember 2026 di Balai Seni Negara. Untuk maklumat lanjut mengenai program atau pameran, sila layari *www.artgallery.gov.my* atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:
Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin
T: +60 11 1005 5207
E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi
T: +60 19 998 5884
E: syazwina@artgallery.gov.my